

FPTP manfaat PKP 3.0 dengan perkongsian ilmu bersama pakar dari Australia

Disediakan oleh:

Profesor Madya Dr. Md. Asrul Nasid Masrom

Timbalan Dekan, Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan, FPTP

Biarpun negara dilanda gelombang ketiga COVID-19 dengan bilangan pesakit positif semakin meningkat, namun ia bukanlah penghalang atau faktor melemahkan semangat ahli akademik untuk terus berkongsi ilmu dan pengalaman bersama komuniti.

Aktiviti-aktiviti seperti webinar, forum dan persidangan secara virtual adalah pendekatan terbaik dan kian mendapat perhatian utama dalam era pandemik terutamanya dalam sektor pendidikan. Hal ini kerana ia mampu melibat sama mahasiswa pascasiswazah, pensyarah dan juga penyelidik secara atas talian tanpa mengira perbezaan geografi dan waktu.

Sebelum ini, untuk menjalankan sesi perkongsian ilmu dengan menggabungkan pakar-pakar dalam dan luar negara dilihat bukanlah suatu perkara yang mudah. Terdapat pelbagai faktor terutamanya berkaitan dengan kos menjadi penghalang utama bagi sesuatu program dilaksanakan secara bersemuka atau pertemuan fizikal.

Kini, perubahan drastik telah berlaku lantaran tuntutan norma baharu dan keadaan semasa pandemik yang kian membimbangkan. Perkongsian ilmu melalui kaedah bersemuka tidak dibenarkan sama sekali. Sebaliknya, dengan kemudahan pelbagai platform digital seperti *Zoom*, *google meet*, *webex* dan *microsoft team*, semuanya tidak mustahil untuk dilaksanakan secara efektif.

Usaha ini jelas dilihat apabila Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) di bawah Jawatankuasa Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan telah mengambil inisiatif dalam era pandemik dan arahan PKP 3.0 yang diumumkan kerajaan dengan menganjurkan sesi webinar yang bertajuk “*Managing Academic Work and Research During Pandemic*” baru-baru ini. Webinar anjuran FPTP kali ini dilihat berbeza dan istimewa kerana ia bukan sahaja melibatkan barisan penceramah berpengalaman dari UTHM tetapi juga penceramah-penceramah yang berpengalaman dari universiti-universiti Australia seperti Queensland University of Technology (QUT), dan Victoria University (VU).


Program perkongsian ilmu selama dua jam ini yang diselaraskan oleh moderatornya Profesor Madya Dr. Md. Asrul Nasid Masrom telah dibahagikan kepada tiga segmen. Ia bermula dengan sesi pembentangan oleh Profesor Madya Dr. Ania Wiewiora merupakan seorang pensyarah yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran luas dalam bidang kajian pengurusan terutamanya perkongsian pengetahuan (*knowledge sharing*). Beliau yang juga aktif menjalankan kajian berteraskan pengurusan aset, pengurusan projek dan inovasi ini telah berkongsi pengalaman melalui pembentangan yang bertajuk “*Challenges in qualitative data collection in the COVID-19*”. Pembentangan beliau selama lebih kurang 30 minit yang berkisarkan kisah dan pengalaman beliau sepanjang melaksanakan kajian kualitatif secara kajian kes di Bolivia dan Australia telah menerima respon sangat positif dari peserta webinar. Perkongsian bagaimana Dr. Ania yang terkesan oleh pandemik dalam mengumpul data kajian di beberapa buah negara membangun yang rata-ratanya mempunyai akses internet yang tidak stabil, perbezaan masa dan jarak yang jauh amat berguna sekali kepada peserta.

Sesi webinar diteruskan dengan segmen kedua yang disampaikan oleh Dr. Melissa Chan merupakan seorang pensyarah di Built Environment, School of Engineering and Science, Victoria University. Dalam segmen ini, beliau yang pernah terlibat dalam industri pembinaan sebagai Pengurus Perolehan telah berkongsi idea dan pandangan berkaitan “*Best Practices For Working Remotely From Home During*

Pandemic”. Pelbagai kaedah dan cara yang dikongsikan oleh beliau dalam memastikan kerja dirumah (*Work from home*) dapat dilaksanakan secara berkesan dan kekal produktif. Secara keseluruhannya, pendekatan yang dikongsikan oleh beliau amat menarik bagi memastikan setiap individu sentiasa positif dan terus bersemangat walaupun terpaksa bekerja dari rumah.

Berlainan pula dengan pembentangan penceramah ketiga yang tampak bersahaja tetapi isi perkongsiaannya sangat menarik perhatian terutamanya tip dan kaedah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dalam era pandemik ini. Penceramah ketiga iaitu Profesor Madya Ts. Dr. Goh Kai Chen yang baharu saja kembali bertugas setelah setahun menjalani program sangkutan industry disebuah firma perunding, berpendapat pelbagai kaedah dan pendekatan yang efektif boleh dijalankan sepanjang tempoh PKP ini. Antaranya penyelidik atau pensyarah boleh meneliti serta mengemaskini semula perancangan untuk jangka masa panjang atau pendek bagi sesuatu kajian yang dijalankan. Selain dari itu, beliau juga turut menyarankan agar tempoh PKP ini dapat dimanfaatkan secara total dengan menyusun semula strategi, hubungan sosial dan bajet bagi sesuatu kajian yang akan dijalankan dengan menggunakan beberapa jenis perisian dan juga platform digital.

Respon positif oleh peserta dari pelbagai universiti dalam dan luar negara jelas membuktikan perkongsian ilmu secara atas talian mempunyai impak positif dalam menyebarkan pengetahuan, kepakaran dan pengalaman dalam era pandemik ini. Oleh itu, perbezaan lokasi, jarak dan masa bukan lagi penghalang untuk memastikan semangat kerjasama ke arah budaya kajian dan pembangunan yang lebih baik terus kekal walaupun diuji dengan norma baharu akibat COVID-19 yang masih belum ada tanda titik noktahnya.



(715 perkataan)